

SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

9 Mei 2022

UPM CONSULTANCY & SERVICES SDN BHD

Tingkat 1 Banquet Hall Universiti

Putra Malaysia

UPM Serdang Petaling

43400, Pekan Serdang

Selangor, Malaysia

(U/P: Encik Abdul Rahim Mohd Yusoff)

Tel: 03 8942 9148

Tuan,

TAWARAN LANTIKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING BUKAN FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia telah bersetuju menerima tawaran lantikan terus berserta kos siling (LTBKS) syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Tiga dan Sembilan Puluh Tiga Sen sahaja (RM 423,943.93) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama 6 bulan tertakluk kepada dokumen LTBKS yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan Lampiran A kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

Nama Kajian	: STUDY ON MEASURES AND STRATEGIES TO INCREASE LABOUR COMPENSATION
Kos Projek (Yuran Perunding & Kos Imbuan Balik)	: RM 423,943.93 (termasuk 6% SST)
i) Yuran Perunding Fasa 1 - <i>Inception Report</i> (10%)	: RM 34,429.89
ii) Yuran Perunding Fasa 2 - <i>Interim Report</i> (40%)	: RM 137,719.57
iii) Yuran Perunding Fasa 3 - <i>Draft Final Report</i> (20%)	: RM 68,859.78

iv) Yuran Perunding Fasa 4 - <i>Final Report (30%)</i>	: RM 103,289.68
v) Imbuhan Balik	: RM 79,645.01
Kaedah Perolehan	: Lantikan Terus Berserta Kos Siling
Bidang Perunding	: 340103 - Kajian Ekonomi
Perjanjian Piawai yang digunakan	: Form CSA2014 - Research
Skop Perkhidmatan	: Lampiran 1 (<i>Terms of Reference</i>)
Tempoh Perkhidmatan	: 6 bulan (Mei 2022 – Oktober 2022)

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen LTBKS serta semua terma dalam Lampiran A. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 6% cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

- a. jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan
- b. senarai nama kakitangan perunding yang terlibat dalam kajian ini berserta peranan masing-masing,

seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi 7 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.